

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 20 - 24 MAC 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my.

Tarikh dan Masa	Syarikat	Lokasi
21.03.17 (Selasa) 11.00 pagi	LPI Capital Berhad (AGM)	Hotel Shangri-La, Jalan Sultan Ismail, KL
23.03.17 (Khamis) 10.00 pagi	Sapura Kencana Petroleum Berhad (EGM)	Sapura@Mines, No. 7, Jalan Tasik, The Mines Resort City

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	Perkara/Isu untuk Diajukan
LPI Capital Berhad (AGM)	<p>Strategi/ Kewangan</p> <ol style="list-style-type: none">1) Liberalisasi kewangan dalam sektor ini pasti akan menjurus kepada pemansuhan dan penyingkiran struktur tarif. Sila kongsikan langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kumpulan sejak dua (2) tahun lalu untuk menangani dan mengurangkan impaknya serta persaingan dalam industri.2) Analisis dan Perbincangan Pengurusan (“MDA”) menyatakan, Kumpulan akan memberikan tumpuan kepada kelas insurans Motor dan Peribadi sebagai strategi perniagaannya di Singapura. Sila terangkan lebih lanjut mengenai prospek prestasi perniagaan segmen kelas insurans motor dan peribadi di Singapura untuk 2017 dan apakah sasaran Kumpulan? Bagaimanakah kedudukan dan bahagian pasaran semasa dalam segmen perniagaan ini?3) Nisbah gabungan Lonpac (“CR”) sebanyak 63.8% dan nisbah pengurusan perbelanjaan (“MER”) sebanyak 19.8% berbanding purata industri iaitu 87.6% dan 23.0%, wajar dipuji. Sila terangkan lebih lanjut dan kongsikan nisbah prestasi untuk operasi di Kemboja dan Singapura?4) Sejak pelaksanaan fasa pertama liberalisasi Tarif Motor dan Kebakaran pada 2016, bolehkah Syarikat kongsikan cabaran dalaman untuk mengguna pakai kadar premium yang kompetitif serta memanfaatkan kelebihan penentuan harga premium

produk, pengunderaitan dan risiko yang berkaitan, dan lain-lain untuk meningkatkan bahagian pasaran dan hasil nyata yang dicapai sejak penyahkawalseliaan. Adakah manfaat pelarasan harga premium yang kompetitif ini dapat disalurkan kepada pelanggan Kumpulan/ Syarikat?

Ganjaran Pengarah

1. Seksyen 230(1) Akta Syarikat 2016 menyatakan “yuran” para pengarah dan “apa-apa manfaat yang akan dibayar” kepada pengarah sesebuah syarikat tersenarai dan anak-anak syarikatnya perlu diluluskan dalam mesyuarat agung.

Kami mendapati di bawah Resolusi Biasa 3, Syarikat hanya membentangkan bayaran pengarah berjumlah RM545,369.00 bagi tahun kewangan berakhir 2016, tidak termasuk apa-apa faedah yang perlu dibayar seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 230(1) Akta Syarikat 2016. Sila jelaskan.